

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

Dr. M yakin BN menang besar

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, menegaskan Barisan Nasional akan mencapai kemenangan yang lebih dari cukup untuk menubuhkan Kerajaan dalam pilihanraya umum akan datang.

Pengerusi Barisan Nasional (BN) itu menambah, bagaimanapun, untuk mencapai kemenangan lebih besar adalah bergantung kepada sejauh mana kecekapan BN memberi penerangan kepada rakyat mengenai apa yang telah dilakukan oleh Kerajaan dalam pilihanraya itu nanti.

Presiden UMNO itu berkata demikian dalam satu wawancara khas dengan akhbar rasmi bulanan UMNO, Merdeka, keluaran Februari ini.

Wawancara itu yang meliputi isu-isu semasa termasuk Dasar Ekonomi Baru, UMNO dan Islam, parti komponen BN, kebebasan bersuara dan pengisytiharan harta.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa perpecahan di kalangan parti komponen BN tidak akan berlaku meskipun ada desakan atau tuntutan dari parti komponen mengenai sesuatu.

Bellau menerangkan, tuntutan-tuntutan itu dibuat kerana desakan-desakan tertentu.

"Kalau kita melatah dalam cara menguruskan masalah itu akibatnya perpecahan akan berlaku. Tiap satu masalah boleh diuruskan mengikut budibicara dan kecekapan," tambahnya.

Pemimpin BN itu menambah, kita harus menggunakan budibicara ini tanpa didorong oleh nafsu dan latah.

"Sebarang cakap-cakap atau kata-kata yang tidak berhati-hati boleh menambah kemusykilan yang sudah pun wujud."

Mengenai pandangan yang menyatakan program pembangunan yang dilaksanakan sekarang bersifat materialistik Perdana Menteri berkata:

"Manusia yang menyatakan demikian adalah mereka yang tidak faham apa dia pembangunan dan mereka juga tidak faham desakan agama kita supaya kita menjadi dermawan, mengeluarkan sedekah, zakat dan sebagainya.

Menyenaraikan

"Orang yang tidak ada harta tidak mungkin mengeluarkan sedekah, zakat dan seumpamanya. Agama kita juga menyatakan bahawa memberi itu lebih mulia dari menerima," katanya.

Jadi dengan demikian, tegas bellau, adalah lebih mulia mencari kekayaan dari mereka yang menyatakan mencari kekayaan itu materialistik tetapi sebaliknya menerima daripada orang lain segala jenis bantuan termasuk biasiswa dan sebagainya.

"Orang semacam ini adalah orang yang hina dan ia tidak mulia pada sisi agama dan juga masyarakat," tegas bellau.

Mengenai pengisytiharan harta bellau berkata, perkara ini tidak menimbulkan masalah kepada mereka yang tidak ada kesalahan apa-apa.

Katanya, bagi ahli politik atau pegawai Kerajaan sepatutnya tidak menjadi masalah kerana mereka hanya diminta menyenaraikan harta mereka yang tidaklah begitu banyak bagi kebanyakan mereka.

Bellau berpendapat, mereka yang khuatir dengan pengisytiharan harta adalah mereka yang cuba mencari kekayaan melalui secara haram sahaja.

Presiden UMNO itu juga menyatakan bahawa orang Melayu memang kerja belum kuat lagi jika dibandingkan dengan bangsa lain daripada negara-negara yang telah mencapai kemajuan.

377
121